

**Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita
Dalam Ekonomi**

*Selected Novels by Azmah Nordin from a Women's Perspective
In economy*

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
inmarlin@um.edu.my

Salinah Ja'afar
b1salina@um.edu.my

Mardian Shah Omar
mardianso@um.edu.my
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Mawar Shafei
mawar.shafei@ukm.edu.my
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: 4 August 2021; Published: 19 November 2021

Cite this article (APA) as:

Tengku Mohd Ali, T. I. M., Ja'afar, S., Shah Omar, M., & Shafei, M. (2021). 'Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita Dalam Ekonomi', *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(2), 24 - 34. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/148>

ABSTRAK

Ekonomi dalam novel Malaysia selepas merdeka ada diketengahkan dalam novel-novel Melayu. Dalam novel-novel ini, diperlihatkan bahawa wanita turut memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi negara. Dalam hal ini, penulis Azmah Nordin banyak mengangkat wanita dan mengenengahkannya dalam hasil karyanya. Tiga buah novel karya Azmah Nordin dipilih untuk dianalisis dari perspektif wanita dalam ekonomi dalam kajian ini. Tiga novel tersebut ialah *Menongkah Lumrah* (1996), *Singgahmata* (1997) dan *Syumul* (1999). Novel-novel ini dipilih kerana memaparkan kegiatan ekonomi dan didapati juga dalam kegiatan ekonomi tersebut, wanita memainkan peranan penting. Wanita dilihat memainkan penting dalam perusahaan teknologi maklumat dan perusahaan makanan restoran. Kajian ini turut menggunakan konsep ekonomi dengan merujuk kepada Normaz Wana Ismail (2009), A.C Pigou (1981), dan Alfred Marshall (1981). Dapatan kajian menunjukkan bahawa wanita juga memainkan peranan penting dalam ekonomi. Wanita turut mengemblem tenaga bersama-sama lelaki dalam memajukan sektor ekonomi. Kata kunci: ekonomi, peranan wanita, Azmah Nordin, novel.

ABSTRACT

Economy in Malaysia after independence have featured in the Malay novels. These novels shown that women also play an important role in the national economy. In this case, Azmah Nordin who is the author of the novel raised the women and highlighted them in her novels. Three novels by Azmah Nordin were selected to analysis from the women's economics perspective in this study. The three novels are Menongkah Lumrah (1996), Singgahmata (1997) and Syumul (1999). These novels were chosen because they feature economic activities and it is also found that the women play an important role in the economic activities. Women are seen to be an important role in the information technology

and restaurant food enterprises. This study also uses the concept of economics with reference to Normaz Wana Ismail (2009), A.C Pigou (1981), and Alfred Marshall (1981). The findings show that women also play an important role in the economy. Women also join forces together with men in developing the economic sector.

Keywords: economics, the role of women, Azmah Nordin, novel.

PENGENALAN

Fokus perbincangan dalam kajian ini mengenai ekonomi dalam novel-novel Melayu terpilih selepas merdeka. Selepas kemerdekaan tanah air pada tahun 1957, kerajaan menjalankan pelbagai rancangan pembangunan untuk Malaysia. Rancangan pembangunan yang terancang dan teratur yang dipanggil Rancangan Pembangunan Ekonomi (RPE1) atau Rancangan Malaya Pertama (1956-1960) diperkenalkan pada awal kemerdekaan. Selain itu, pada era ini juga ditubuhkan rancangan pembangunan tanah seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1956. Pada tahun 1961, Rancangan Pembangunan Ekonomi 2 (RPE2) pula dilancarkan. Seterusnya peristiwa hitam 13 Mei 1969 memberi kesan yang mendadak pada ekonomi Malaysia. Rusuhan kaum yang berlaku ketika itu dipercayai akibat daripada wujudnya ketidakseimbangan dalam banyak aspek terutamanya ekonomi antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera. Kesan daripada peristiwa tersebut, maka kerajaan telah melancarkan beberapa dasar, bermula daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN), dan kini Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pertanian Negara, Dasar Persyarikatan Malaysia, Dasar Penswastan dan lain-lain lagi.

Karya sastera juga secara tidak langsung turut memberi gambaran yang jelas mengenai ekonomi yang berlaku di negara ini. Misalnya novel-novel yang ditulis oleh Azmah Nordin pada tahun 1990-an didapati dilihat turut memaparkan ekonomi terutamanya melibatkan peranan wanita. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan wanita dalam novel-novel Azmah Nordin dari perspektif ekonomi. Azmah Nordin merupakan penulis wanita Malaysia tidak asing lagi di tanah air ini. Penerima S.E.A Write Award 2009 ini dilihat sering menampilkan dimensi baru dalam pengkaryaan dengan memberi tumpuan terhadap watak-watak dan teknik penceritaan dengan gaya aliran bawah sedar (Asmiaty Amat, 2018). Sejak tahun 1987, Azmah sudah menghasilkan 48 buah novel termasuklah novel kanak-kanak, remaja dan dewasa sehingga hari ini dan pelbagai anugerah yang telah diterimanya. Kehebatan penulisan Azmah tidak hanya terletak pada novel semata-mata, malah terdapat tiga kumpulan cerpen yang telah diterbitkan oleh DBP termasuklah Singkowoton (1994), Wizurai (1997) dan Kasih Seputih Seroja (2001). Sebanyak 22 antologi cerpen pilihan juga telah diterbitkan sejak tahun 1989 dan Azmah juga aktif menghasilkan cerpen yang diterbitkan dalam majalah dan surat khabar. Antara cerpen yang dihasilkan termasuklah Kurnia, Lukah, Hati Seorang Ibu, Tembusu, Singkowoton, Diulit Gelombang, Putut, Cermin dan banyak lagi. Sepanjang penglibatan beliau dalam arena penulisan tanah air, Azmah juga pernah memenangi dan menerima pengiktirafan daripada pelbagai pihak termasuklah Hadiah Sastera Perdana Malaysia DBP (1996/1997, Menongkah Arus dan Permainan Kematian), Hadiah Sastera Perdana Malaysia DBP (2000/2001, Kasih Seputih Kemboja) dan banyak lagi. Menurut Mawar Safei (1998), sejak *Singkowoton* (1994), diikuti dengan novel-novel seperti *Halusinasi* (1995), *Menongkah Lumrah* (1996), *Awang Kirana Mudir Besar* (1996) dan *Singgah Mata* (1996), semuanya mewakili kesungguhan Azmah dalam dunia kepengarangannya. Beberapa faktor yang cukup kuat membentuk acuan kepengarangan Azmah, antaranya seperti pembacaan yang mendalam, di samping kreativiti dan sensitiviti dalam membicarakan tentang sastera dan fungsi kemanusiaannya. Dalam *Dewan Sastera* (Iqbal Hidayat Hamizul, 2021) terbitan bulan Julai 2021 mengatakan bahawa: “Penulisan kreatif Azmah Nordin digarap olehnya dengan semangat yang berkobar-kobar dan bercita-cita tinggi apabila menonjolkan jati diri seorang wanita. Hampir semua jenis kerjaya dan pekerjaan wanita telah disentuh oleh Azmah Nordin dalam karya-karyanya, sekali gus meletakkan posisi wanita dalam kerjaya yang versatil.”

KONSEP EKONOMI

Perkataan Ekonomi sebenarnya berasal daripada Yunani, iaitu “OIKAU” yang bermaksud isi rumah dan “NOMOS” yang bermaksud peraturan. Kajian berkenaan ekonomi turut diperkembangkan sehingga meliputi perlakuan manusia dalam masyarakat dan isi rumah. Bidang ekonomi merupakan antara cabang ilmu sains sosial. Dalam penghidupan, manusia seringkali dikaitkan dengan mempunyai kehendak-kehendak yang tidak terbatas. Manusia tidak pernah berasa puas dengan apa yang mereka dapat dalam kehidupan mereka. Faktor-faktor pengeluaran atau sumber-sumber yang ada adalah terhad dan terbatas. Masyarakat hanya mampu menghasilkan barang atau perkhidmatan, tetapi tidak dapat memenuhi kesemua kehendak manusia. Ketidakseimbangan antara kehendak manusia yang tidak terbatas, sedangkan sumber-sumber yang ada adalah terbatas menyebabkan masyarakat perlu membuat pilihan (Normaz Wana Ismail, 2009: 1).

Ekonomi sebagai suatu bentuk kebajikan yang menekankan aspek manusia dan kebendaan. Oleh yang demikian, ekonomi disifatkan sebagai satu cara kajian untuk menambahkan jumlah pengeluaran untuk meninggikan taraf hidup (A.C. Pigou dlm. Hanson, 1981: 6). Ekonomi membentuk satu pertalian antara mereka yang menumpukan kepada harta kekayaan dan mereka yang menitikberatkan kebajikan dan taraf hidup. Ekonomi adalah kajian mengenai kehidupan seseorang individu dan masyarakat yang berkait rapat dengannya bagi mencapai kehendak-kehendak kebendaan manusia (Alfred Marshall dlm. Hanson, 1981: 6).

Rumusan daripada konsep ekonomi di atas menjelaskan bahawa ekonomi adalah kegiatan yang melibatkan kegiatan manusia dalam mencari sumber kewangan untuk memenuhi kehendak dan keperluan hidup mereka. Jumlah pengeluaran yang tinggi dapat menghasilkan sumber kewangan yang tinggi untuk digunakan dalam menjalani kehidupan mereka. Oleh yang demikian, ekonomi yang dibincangkan dalam kajian ini melihat hal-hal yang berhubungan dengan isu-isu ekonomi, perdagangan, atau permasalahan ekonomi dalam masyarakat yang ditonjolkan atau digarap dalam novel *Menongkah Lumrah* (1996), *Singgahmata* (1997) dan *Syumul* (1999) karya Azmah Nordin. Kegiatan ekonomi yang dianalisis ini dikaitkan dengan sejauh mana peranan wanita dalam bidang ekonomi.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat banyak kajian lepas tentang karya Azmah Nordin. Antaranya buku yang bertajuk “Menyingkap Gejolak Rasa dan Citra Azmah Nordin” oleh Asmiaty Amat (2018). Buku ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kajian ini melihat gejolak rasa dan citra wanita dan citra lelaki dalam karya Azmah Nordin. Tujuh buah novel Azmah Nordin yang digunakan dalam kajian ialah *Dukanya Abadi* (1988), *Kukui* (1990), *Dari Dalam Cermin* (1992), *Debur Menerpa* (1992), *Pantai Kasih* (1994), *Awang Kirana Mudir Besar* (1996) dan *Menongkah Lumrah* (1996). Pemikiran pengarang dianalisis dalam ketujuh-tujuh buah novel turut dianalisis bagi mempertautkan hubungan yang menjadi agenda pengarang semasa berkarya dengan citra watak-watak dalam novel-novel tersebut. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ialah Psikoanalisis Sigmund Freud yang disesuaikan dengan psikologi Islam serta Teori Fenimisme yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter. Dapatan daripada kajian ini memperlihatkan bahawa watak wanita yang ditonjolkan mampu mengawal diri dan perasaan mereka daripada terjerumus dalam penderitaan. Kekuatan dan ketabahan wanita yang dipaparkan mampu mengharungi pelbagai dugaan hidup dengan semangat juang yang tinggi. Manakala bagi watak lelaki yang dicitrakan oleh pengarang mengalami konflik batin yang hebat akibat keinginan untuk mempertahankan harga diri, status dan keangkuhan.

Kajian seterusnya yang memfokuskan karya-karya Azmah Nordin ialah makalah yang ditulis oleh Mawar Safei (2015) bertajuk “Konflik Komunikasi Dari “Bercak” Ke Menongkah Lumrah” diterbitkan dalam *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Universiti Kebangsaan Malaysia Jilid 31(2) 2015: 169-182. Azmah Nordin merupakan novelis yang kerap mengangkat pelbagai latar bidang dalam karyanya. Karyanya membawakan pertelingkahan (*conflict*) realiti manusia dalam bidang yang disertai termasuk perubatan, perundangan, keusahawanan dan perhotelan. Novel *Menongkah Lumrah* (1996) membawakan pertelingkahan komunikasi dalam dunia keusahawanan digital sebuah syarikat, iaitu Panglima Burhan Computer (PBC). Novel ini memenangi tempat pertama Hadiah Penulisan Novel Dewasa anjuran DBP Sabah (1992), Hadiah Sastera Perdana

Malaysia 1996/97 dan Hadiah Sastera Sabah 1997. Seperti kebanyakan karya Azmah Nordin sebelumnya, novel ini masih akur dengan rumus “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan.” Makalah ini bertujuan untuk melihat ketekalan rumus tersebut dalam penukangan novel *Menongkah Lumrah*. Azmah Nordin membincangkan “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan” adalah menerusi kerja intertekstual apabila novel ini dikembangkan daripada cerpen awalnya yang berjudul “Bercak” (*Dewan Sastera*, September 1991). Pengarang menggembeleng lebih dalam dan rinci pertelingkahan konflik komunikasi dalam ruang naratif yang lebih lebar menerusi genre novel berbanding dengan cerpen. Beberapa peralatan naratif seperti latar dan istilah yang berkaitan dengan teknologi maklumat khususnya isu virus dan anti-virus yang mewakili konflik komunikasi berkenaan diperlihatkan dalam karyanya. Begitu juga pertelingkahan watak yang terlibat secara langsung dalam bidang ini, turut terkait dari sisi emosi mereka dengan peralatan naratif teknologi maklumat yang berkenaan. Dapatan daripada kajian ini merumuskan bahawa ketekalan pengarang dengan rumus “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan” antara lain memperagakan keseriusannya terhadap pertelingkahan yang berlaku dalam jalur komunikasi yang banyak berdialog tentang kesaksamaan gender.

Satu lagi kajian mengenai novel-novel Azmah Nordin ialah kertas kerja yang ditulis oleh Norhayati Ab. Rahman (2006), bertajuk “Pemeriksaan Wanita dan Novel Malaysia dan Indonesia: Antara Tradisi dan Moderniti” dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006 di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kertas kerja ini mengkaji tiga buah novel, iaitu *Menongkah Lumrah* (1996) oleh Azmah Nordin, *Salam Maria* (2004) oleh Fatimah Busu dan *Dari Lembah ke Collibah* (2000) oleh Titis Basino. Kajian ini melihat sejauh mana pemeriksaan wanita ditonjolkan dalam novel-novel kajian tersebut. Dapatan kajian mendapati watak-watak utama wanita dalam setiap novel menyerlahkan daya juang yang cukup tinggi dalam mengharungi pelbagai rintangan dan cabaran dalam kehidupan mereka. Wanita turut memecah tradisi untuk memajukan diri mereka seiring dengan kehidupan moden pada masa kini demi kelangsungan kehidupan mereka.

Kajian mengenai aspek ekonomi dalam novel pula disorot dalam kajian yang dijalankan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali bertajuk “Ikon Wanita Melayu-Islam Dalam Novel Tunggu Teduh Dulu” diterbitkan dalam *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. Kajian ini menggunakan Teori Semiotik oleh Charles Sanders Peirce (1965), makalah ini mengkaji ikon wanita Melayu-Islam dalam novel *Tunggu Teguh Dulu* (2008) karya Faisal Tehrani. Ciri-ciri peribadi daripada watak Salsabila ini dalam novel ini memenuhi fungsi kepada ikon yang melaksanakan fungsi kepada penandanya. Watak Salsabila dalam novel *Tunggu Teduh Dulu* boleh diangkat sebagai ikon Melayu-Islam berdasarkan segala fungsi yang telah melaksanakan fungsi Salsabila itu sendiri sebagai seorang yang memenuhi ciri-ciri wanita Islam. Salsabila turut menyumbangkan tenaganya dalam ekonomi dengan mengerjakan ladang betik yang dikongsi bersama-sama sahabat baiknya Sofia. Dapatan kajian memperlihatkan ikon Salsabila sebagai seorang wanita Melayu-Islam yang dapat dijadikan ikon wanita yang mempunyai peribadi yang mulia dan wajar dilihat sebagai ikon contoh.

Aspek ekonomi dilihat menerusi manifestasi masyarakat Melayu terlihat dalam kajian Che Abdullah Che Ya (2018) yang bertajuk “Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu* daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu”. Artikel ini diterbitkan dalam *Jurnal Melayu*. Kajian ini menggunakan *Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Hashim Awang (2002) untuk menganalisis novel kajian. Prinsip *Teori Pengkaedahan Melayu* yang digunakan ialah Pendekatan Gunaan, Moral dan Firasat daripada Pengkaedahan Alamiah dan Pendekatan Dakwah, Masyarakat dan Seni daripada Pengkaedahan Keagamaan. Hasil penelitian dapatan kajian memperlihatkan bahawa novel ini banyak mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu yang sangat bergantung kepada alam sebagai sumber inspirasi dan ekonomi. Sastera Melayu sangat mementingkan isi dalam pembentukan insan dan pendidikan namun tidak mengabaikan nilai keindahan karya. Kajian ini turut membuktikan bahawa *Teori Pengkaedahan Melayu* dapat memperlihatkan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam karya sastera mengenai kepercayaan, keimanan, akhlak dan nilai-nilai murni hidup bermasyarakat. Justeru itu, melihat novel ini daripada perspektif Teori Pengkaedahan Melayu banyak membantu khalayak pembaca dalam memahami serta mencari makna tersurat dan tersiratnya.

Satu lagi kajian aspek ekonomi dalam novel dapat dilihat dalam Abdul Ghani Abu (2014) bertajuk: “Ciri-ciri Usahawan dan Korporat Melayu Terpuji di dalam *Rimba Harapan* dan *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur*” yang diterbitkan dalam *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. Kajian ini

memfokuskan perbincangan mengenai ciri-ciri positif watak koporat atau usahawan Melayu terpuji yang terdapat dalam *Rimba Harapan* dan *Saudagar Besar* dari Kuala Lumpur karya Keris Mas yang boleh dijadikan pengajaran atau tauladan kepada generasi muda. Tidak semua ciri-ciri yang terdapat dalam seseorang ahli koporat itu berbentuk negatif. Terdapat nilai-nilai yang positif yang terpuji dan bersifat mulia untuk membantu insan lain. Namun ciri-ciri ini tidak terserlah disebabkan pandangan masyarakat yang lebih terarah kepada ciri-ciri ahli koporat yang kaya selalunya bersifat negatif dan tidak perlu ditiru. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa nilai-nilai murni yang baik dan boleh dijadikan teladan mendasari watak-watak usahawan atau korporat dalam novel kajian boleh menjadi asas untuk memperkuat bidang ekonomi orang Melayu secara keseluruhannya.

Dalam kenam-enam sorotan kajian tersebut memperlihatkan bahawa kajian lepas memfokuskan tentang perjuangan dan ketabahan wanita dalam menjalani kehidupan mereka tanpa memfokuskan peranan mereka dalam bidang ekonomi. Tiga daripada kajian lepas tersebut, iaitu kajian yang dijalankan oleh Asmiaty Amat (2018), Mawar Safei (2008) dan Norhayati Ab. Rahman (2018) lebih memperlihatkan tentang emosi dan ketekalan wanita dalam menghadapi masalah dan cabaran dalam kehidupan mereka terutama dalam kekeluargaan dan kasih sayang. Terdapat juga persoalan gender dibincangkan tentang bagaimana wanita lebih berjaya menangani konflik dalaman dan luaran berbanding dengan lelaki. Daripada kajian lepas juga hanya novel *Menongkah Lomrah* digunakan untuk ketiga-tiga kajian, dan novel ini turut digunakan dalam kajian ini. Namun demikian, aspek yang disorot dalam kajian sekarang lebih kepada perspektif ekonomi. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2013), Abdul Ghani Abu (2014) oleh Abdullah Che Ya (2018) difokuskan terhadap novel yang berlainan, iaitu bukan daripada novel-novel Azmah Nordin. Kajian terhadap novel *Tunggu Teduh Dulu* (2008) karya Faisal Tehrani oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali memfokuskan watak wanita Salsabila dalam novel kajian yang memperlihatkannya sebagai ikon wanita Melayu-Islam. Novel *Bedar Sukma Bisu* (2007) oleh Che Abdullah Che Ya difokuskan terhadap novel karya Faisal Tehrani. Fokusnya juga lebih kepada manifestasi kehidupan Melayu dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) yang lebih memperlihatkan kepercayaan, keimanan, akhlak dan nilai-nilai murni hidup bermasyarakat. Ketiga-tiga kajian tersebut tidak memperlihatkan dapatan kajian yang mendalam dari sudut ekonomi walaupun ada ditonjolkan tentang kegiatan ekonomi dalam kajian tersebut. Begitu juga Kajian Abdul Ghani Abu pula difokuskan kepada novel *Rimba Harapan* (1986) dan *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) karya Keris Mas yang menonjolkan nilai-nilai teladan melalui watak-watak usahawan dan korporat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Novel-novel di Malaysia turut terkesan dalam memaparkan perkembangan ekonomi yang berlaku di negara ini, terutamanya selepas merdeka. Terdapat pelbagai perubahan dan perkembangan ekonomi dipaparkan dalam hasil karya novel bertujuan untuk memberi gambaran tentang keadaan ekonomi negara kepada masyarakat. Pemaparan ekonomi dalam novel-novel ini memperlihatkan pemikiran pengarang terhadap ekonomi negara sama ada mengikut zamannya atau zaman-zaman sebelumnya. Novel-novel yang ditulis oleh Azmah Nordin pada tahun 1990-an didapati turut memaparkan aspek ekonomi terutamanya melibatkan peranan wanita. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan wanita dalam novel-novel Azmah Nordin dari perspektif ekonomi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan konsep. Kaedah analisis konsep dan konteks berdasarkan teks dijalankan dalam kajian ini. Bahan tentang konsep ekonomi dan bahan yang berkaitan dengan teks kajian dikenal pasti dan dicari dalam pelbagai buku, jurnal, kertas kerja, penyelidikan ilmiah di perpustakaan. Begitu juga, bahan-bahan rujukan ini turut dibantu dengan kemajuan teknologi maklumat seperti sumber daripada capaian internet terutamanya dalam mencari kajian-kajian lepas sama ada di dalam atau di luar negara yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan sekarang ini.

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan konsep ekonomi, maka konsep ini dicari daripada sumber rujukan sama ada sajana dari sama ada dari dalam dan luar negara. Konsep ekonomi yang

digunakan dalam kajian ini ialah konsep nasionalisme dengan merujuk kepada Hans Kohn (1965), Sukarno (1988), Srijanti et. al (2009), dan Elie Kedourie (1966). Bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan teks kajian, iaitu *Menongkah Lumrah* (1996), *Singgahmata* (1997) dan *Syumul* (1999) karya Azmah Nordin, serta tentang pengarang dan kepengarangan Azmah Nordin dikumpul dan data-datanya dianalisis untuk digunakan dalam kajian ini. Bahan-bahan rujukan untuk bahagian ini diambil daripada buku, jurnal-jurnal, kertas kerja dan rujukan sumber yang sah dalam talian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Usahawan merupakan orang yang menceburkan diri dalam keusahawanan atau dalam sesuatu perniagaan. Mereka terdiri daripada orang yang berpandangan luas dalam sesuatu perniagaan. Mereka sentiasa meninjau dan mencari peluang-peluang perniagaan. Usahawan mempunyai keistimewaan yang membolehkannya mewujudkan peluang pelaburan dan mengenal pasti projek-projek yang dianggap menguntungkan (Barjoiy Bardai, 2000 dlm. Abdul Aziz Ab Latif et. al, 2011: 3). Kriteria seorang usahawan disenaraikan oleh Abdul Aziz Ab Latif et. al (2011) seperti berikut, iaitu pencari peluang tanpa mengenal penat lelah, tidak mengharapkan kejayaan dalam sekelip mata, seseorang yang mempunyai kemahiran pengurusan strategik dan perancangan strategik, menginsafi dan bersedia mengambil iktibar daripada setiap perlakuan mereka, menyedari kepentingan sumbangannya kepada masyarakat dan negara, bersedia meletakkan kepentingan masyarakat mengatasi kepentingan peribadi, mempunyai komitmen yang tinggi untuk mencapai kemajuan yang berterusan, berkeyakinan tinggi, memiliki kerajinan dan ketekunan, berani menghadapi risiko, bersifat inovatif, bersifat kreatif, boleh mengurus, bertanggungjawab, berpandangan jauh dan berwawasan dan bijak merebut peluang.

Keusahawanan merupakan salah satu strategi dalam membangunkan sesebuah negara. Pernan bidang keusahawanan dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan, merangsang inovasi dan sebagai faktor pemantap kestabilan ekonomi dan sosial sesebuah negara tidak dapat dipertikaikan lagi (Abdul Aziz Ab Latif, 2011: 4-5). Isu keusahawanan digarap dalam novel *Menongkah Lumrah* (1996), *Singgahmata* (1997) dan *Syumul* (1999). Menerusi novel *Singgahmata* (1997), peranan wanita dalam perusahaan makanan atau restoran diketengahkan, manakala dalam novel *Menongkah Lumrah* (1996), peranan wanita diperlihatkan menerusi perusahaan teknologi maklumat, dan peranan wanita dalam novel *Syumul* (1999) adalah berkaitan dengan bidang telekomunikasi.

Singgahmata (1997) merupakan novel yang memenangi Hadiah Sagu Hati Hadiah Novel (Melayu Baru) Perangsang-GAPENA pada tahun 1997. Kisah dalam novel ini berlegar mengenai perniagaan restoran yang diberi nama Restoran Singgahmata yang dimiliki oleh usahawan wanita bernama Zara. Zara menjadi tonggak utama dalam perniagaan restoran ini dengan dibantu oleh anak-anak perempuannya terutamanya Hani. Begitu juga dengan hal-hal yang berkaitan dengan restoran, Sipi menyerahkan sepenuhnya kepada Zara. Sipi dilihat sebagai seorang suami yang manja dan mengharapkan Zara dalam menjalankan perniagaan makanan mereka. Oleh yang demikian, Zara merupakan tonjang utama yang menggerakkan perniagaan makanan mereka di samping anak-anak mereka.

Restoran Singgahmata merupakan rangkaian perniagaan restoran yang terbesar di Kota Kinabalu. Hal ini dibuktikan dengan tersenarainya perniagaan Restoran Singgahmata dalam BSKL dan Wall Street. Namun, restoran ini juga pernah suatu ketika mengalami kejatuhan dalam senarai pasaran saham tersebut. Hal ini dapat digambarkan dalam petikan di bawah:

“...membingunglemaskannya; terasa seperti dia menyaksikan kedudukan kewangan Singgahmata diserbu jerebu tebal (terkini) hingga benar-benar menjadi kucar-kacir...dan terancam akan disenarai-keluarkan daripada BSKL dan Wall Street-malah sebelum itu lagi, masyarakat tempatan dan di peringkat antarabangs dan para pelabur saham, bagaikan sebulat suara, mula menarik diri dan menghindari Singgahmata.”

(*Singgahmata*, 1997:2)

Perniagaan Restoran Singgahmata turut mendapat perhatian daripada para pelabur yang berminat untuk melabur dalam perniagaan ini. Restoran Singgahmata mempunyai rangkaian francais

yang terbesar di seluruh dunia. Francais Restoran Singgahmata juga dikembangkan di dalam dan di luar negara. Francais merujuk kepada sistem pemasaran perniagaan melibatkan sebuah syarikat pemberi *francais* (*francaisor*) memberi hak kepada syarikat lain (*francaisi*) bagi mengendalikan perniagaan, mengikut sistem *francais* yang ditetapkan oleh *francaisor*. Kebiasaannya, *francaisor* mempunyai produk yang diterima baik oleh masyarakat dan kukuh dari segi jenamanya, dengan mempunyai model perniagaan tersendiri dan manual operasi menyeluruh (Rithauddin, 2017, <http://www.mfa.org.my/newmfa/potensi-perniagaan-francais/>). Restoran Singgahmata turut membuka *francais* dalam perniagaan makanannya ini. *Francais* Restoran Singgahmata terdapat di dalam negara dan melebar jaringannya ke negara Jepun. Hal ini dapat diketahui melalui perbualan antara Masliza dengan Hani: “Sebenarnya tidak banyak yang aku tahu tentang perkara itu, Hani. Tapi, aku ada hubungi beberapa pihak *francais* Singgahmata di Jepun,” tegas Masliza, sebagai membela diri” (*Singgahmata*, 1997: 88). *Francais* Restoran Singgahmata mendapat sambutan sehingga ke negara matahari terbit. Hal ini membuktikan kejayaan restoran ini dalam perniagaan *francais* makanan.

Jenis perniagaan ini selalu diimpikan oleh usahawan, termasuk syarikat korporat dan persatuan perniagaan kerana model perniagaannya yang memudahkan, bimbingan latihan diberikan *francaisor*, selain mempunyai jenama kukuh di pasaran. Keusahawanan makanan diteruskan oleh anak perempuan Zara dan Sipi, iaitu Hani yang berkelulusan universiti. Hani turut hebat sebagai seorang usahawan. Restoran Bonda yang pertamanya telah dibuka pekan Teluk Likas dengan hasil usaha Hani sendiri. Kegigihan Hani menjadikan Hani seorang usahawan yang berjaya. Di samping mempunyai semangat juang yang tinggi, berkelulusan universiti, Hani beruntung kerana mempunyai ibu yang sentiasa menyokong usaha Hani. Ibunya, Zara sentiasa memberi kata-kata semangat kepada Hani:

“Dalam niaga makanan, selama orang masih menyukainya, pasti terbeli...”

“Hani turut mempelajari selok belok perniagaan makanan daripada Zara. Zara sudah 38 tahun berkecimpung dalam perniagaan makanan sudah tentu mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas. Walaupun belum lagi dapat menandingi kehebatan Restoran Singgahmata, perusahaan yang ditekuni oleh Hani ini sudah “membidani 12 perusahaan.”

(*Singgahmata*, 1997: 24)

Dalam novel *Singgahmata* ini jelas memperlihatkan daya keusahawanan wanita yang diwakili oleh watak ibu dan anak, iaitu Zara dan Hani. Hasil usaha yang tidak pernah mengenal erti jemu, sanggup menangani apa sahaja cabaran dalam perniagaan, mendepani jatuh bangun perusahaan mereka menjadikan kedua-dua wanita ini sebagai ikon wanita yang hebat dalam dunia perniagaan. Mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada lelaki, sebaliknya mereka kuat berusaha dalam menjalankan perniagaan. Mereka berdikari atau berdiri atas kaki sendiri dalam mengusahakan rangkaian restoran mereka. Setiap dugaan yang ditempuhi dalam dunia perniagaan diselesaikan dengan baik. Oleh yang demikian, novel ini jelas turut mengangkat kedudukan wanita dalam dunia keusahawanan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Alfred Marshall (1981 dlm. Hanson, 1981: 6) yang mengatakan bahawa ekonomi membentuk satu pertalian antara mereka yang menumpukan kepada harta kekayaan dan mereka yang menitikberatkan kebajikan dan taraf hidup. Zara dan Hani berganding tenaga berusaha gigih dalam mengusahakan perniagaan mereka. Hal ini juga memperlihatkan bagaimana pengarang berusaha mengangkat golongan wanita, dan hal ini turut dipersetujui oleh Asmiaty Amat (2018: 206) bahawa Azmah Nordin tampil dengan kesungguhannya menonjolkan citra dan hak-hak wanita.

Selain novel *Singgahmata*, usahawan yang berkait dengan bidang teknologi maklumat diteruskan oleh Azmah Nordin dalam novel *Menongkah Lumrah* (1996). Watak wanita terus diangkat oleh pengarang dalam novel ini. Novel ini melibatkan latar keusahawanan berasaskan teknologi digital atau teknologi maklumat. Latar keusahawanan berasaskan teknologi maklumat diperlihatkan dalam garapan cerita dalam novel ini. Budaya digital dihubungkan sebagai asas ICT, iaitu yang disebut sebagai teknologi digital. Budaya digital ini menyelina masuk dalam dekad 1990-an apabila munculnya internet. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, teknologi menjadi satu bentuk pengetahuan saintifik yang tersusun untuk tujuan amali dan meliputi ciptaan, pendapat dan teknik

baru untuk memperbaiki kaedah dalam organisasi. Berangkat daripada beberapa peringatan bahawa budaya digital ini boleh sahaja membawa bersamanya hambatan, rintangan dan ancaman terhadap budaya tempatan jika ia bertembung dengan nilai yang berbeza (Ali Salman etc., 2010; Mohamad Md. Yusoff, 1985; Aznan Zuhid Saidin, 2014 dlm. Mawar Safei, 2015: 172).

Dalam novel *Menongkah Lumrah*, pertelingkahan yang berlaku dalam perusahaan teknologi maklumat yang banyak melibatkan tenaga kerja lelaki. Namun, kekuatan watak wanita dalam bidang teknologi maklumat diserlahkan dalam novel ini. Zakiyyah menjadi tenaga kerja yang penting dalam perusahaan firma PBC. Zakiyah merupakan seorang pekerja yang rajin, jujur dan sentiasa berusaha untuk memajukan firma PBC. Terbayang kembali bagaimana selama ini, dia sendiri cuba menerapkan etika niaga yang seperti itu, di Firma PBC. “Tentang erti tolak ansur...menerima dan memberi...berkongsi kejayaan...mengelakkan kegiatan tidak jujur...menggalakkan perjuangan peniaga-peniaga kerdil dan banyak lagi” (*Menongkah Lumrah*, 1996: 236).

Masalah kegawatan virus menyerang sistem turut ditangani dengan baik oleh Zakiyah dalam perusahaan digital ini. Zakiyah memainkan peranan yang penting dalam kejayaan firma PBC. Malahan seperti yang dilihat bahawa kegawatan banyak sistem komputer yang diserang “ulat” virus ini bermula pada dekad 1990-an. Hal ini mungkin sahaja menumbuhkan ilham kepada Azmah Nordin dalam novel ini (Mawar Safei, 2015: 179). Oleh yang demikian, maka tidak mustahil isu-isu teknologi maklumat pada tahun 1990-an telah mengilhamkan pengarang untuk menghasilkan novel *Menongkah Lumrah*. Isu dari realiti ini diangkat ke dalam novel ini sebagai cerita dan turut dijadikan sebagai latar penceritaan novel ini dari awal hingga akhir cerita. Kekuatan wanita yang diwakili oleh watak Zakiyah didapati terserlah dalam perusahaan teknologi maklumat ini.

Seterusnya peranan wanita dalam bidang telekomunikasi juga dipaparkan dalam novel *Syumul* (1999). Novel ini memenangi Hadiah Novel ESSO-GAPENA 1, 1999. Peranan wanita ditonjolkan dalam perusahaan telekomunikasi, iaitu Firma Hytech Communication. Jika dilihat sejarah perkembangan telekomunikasi di Malaysia, bidang telekomunikasi berkembang pesat di Malaysia sejak tahun 1987. Kerajaan banyak melakukan perubahan dan reformasi dalam bidang telekomunikasi. Pembabitan sektor swasta juga sangat penting terhadap perkembangan telekomunikasi di negara ini (Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, 2018, <http://www.arkib.gov.my/web/guest/perkembangan-telekomunikasi-negara>). Bidang telekomunikasi sangat penting dalam kehidupan masyarakat dalam dunia moden hari ini seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dari semasa ke semasa. Dalam hal ini dilihat bertepatan dengan pandangan Normaz Wana Ismail (2009) yang mengatakan bahawa masyarakat hanya mampu menghasilkan barang atau perkhidmatan, tetapi tidak dapat memenuhi kesemua kehendak manusia. Ketidakeimbangan antara kehendak manusia yang tidak terbatas, sedangkan sumber-sumber yang ada adalah terbatas menyebabkan masyarakat perlu membuat pilihan. Jika dilihat kehendak-kehendak manusia dalam bidang komunikasi memang tidak akan dapat terkejar dan memenuhi sepenuhnya kehendak-kehendak manusia kerana kemajuan dalam bidang itu sentiasa pantas mengikut peredaran masa. Namun, manusia berusaha sedaya upaya mereka untuk mencapai keinginan mereka mereka dalam bidang komunikasi yang sentiasa menuntut mereka untuk berjuang seiring dengan kepesatan dunia teknologi dan maklumat.

Dalam menonjolkan peranan wanita dalam bidang telekomunikasi ini, terdapat beberapa watak wanita penting yang ditonjolkan dalam novel ini, iaitu Juwairiah, Leonei dan Erika. Watak Juwairiah digambarkan seorang wanita yang memainkan peranan penting dalam syarikat komunikasi ini. Selepas berhenti dari firma tersebut, Juwairiah mengembleng tenaga bersama-sama pekerja-pekerja lain dalam Firma Syumul Teknologi Tinggi atau lebih dikenali sebagai Firma STT. Selain, Juwairiah, seorang lagi wanita yang banyak membantu kerja-kerja di firma STT ialah Leonei. Kepentingan Leonei dalam syarikat ini dapat dilihat dalam dialog berikut: “Ingat, kepulauanmu ke tanah air adalah untuk mengembalikan fungsi Microwave Communication Network...!” (*Syumul*, 1999: 65). Daripada petikan ini jelas menunjukkan Juwairiah berpesan kepada Leonei dengan memberi kata-kata semangat kepada Leonei untuk meneruskan usaha untuk membantu Firma STT dalam menangani masalah yang berkaitan dengan telekomunikasi di firma tersebut. Juwairiah dan Leonei saling bekerjasama dan saling mempercayai antara satu sama lain. Hal ini dapat disorot melalui monolog dalaman Leonei dalam petikan di bawah:

“Juwairiah – bagi Leonei – bagaian kuasa elektrik, dan dirinya adalah peti televisyen. Tanpa kuasa elektrik Juwairiah – biar bagaimana canggih sekalipun komponen elektronik yang digunakan dalam jasad peti televisyen itu, semangatnya tidak akan hidup; tanpa Juwairiah yang bukan...

- Luar biasa.

...sedikit dan amat kukuh dalam dirinya. Sokongan moral, mental dan fizikal daripada Juwairiah, mampu Memberikan kekuatan kepada Leonei untuk menghadapi hari depannya.

“Lebih daripada yang luar biasa! Lebih yang teramat sangat!”

(*Syumul*, 1999: 160)

Kedua-dua watak wanita tersebut, iaitu Juwairiah dan Leonei merupakan wanita yang banyak membantu menaikkan prestasi Firma SST. Mereka saling bekerjasama dalam menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi oleh Firma SST. Hasil kerjasama mereka telah meningkatkan lagi produktiviti syarikat dan seterusnya menambahkan lagi pendapatan dan produktiviti syarikat. Perkara yang berlaku dalam pengemblengan tenaga wanita dalam Firma SST ini seiring dengan pandangan A.C. Pigor (A.C. Pigou dlm. Hanson, 1981: 6) bahawa ekonomi disifatkan sebagai satu cara untuk menambahkan jumlah pengeluaran untuk meninggikan taraf hidup. Ekonomi yang tergambar dalam produktiviti Syarikat SST dapat meninggikan lagi taraf hidup pekerja-pekerjanya.

Ketika Firma SST menghadapi masalah kewangan, Juwairiah dan seluruh Ahli Jawatankuasa Firma SST dan eksekutif-eksekutif tertinggi Firma SST sanggup mengorbankan gaji bulanan yang diterima oleh mereka. Mereka tidak mengambil gaji bulanan mereka, sebaliknya menggunakan gaji yang sepatutnya diterima oleh mereka untuk membina kembali Firma SST. Hal ini membantu mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh Firma SST.

“Pengorbanann Juwairiah mulakan dengan menerima hanya 10 sen sebulan, sewaktu menunggu keputusan soal selidik Suruhanjaya Diraja dahulu. Soal selidik yang akan menentukan sama ada permohonan loan guarantees yang Juwairiah kemukakan itu berjaya ataupun tidak; keputusan yang mampu menentukan kelangsungan hidup Firma SST!”

(*Syumul*, 1999: 322)

Daripada petikan di atas, jelas menggambarkan kesungguhan Juwairiah membantu Firma SST dalam menangani masalah kewangan firma yang semakin meruncing. Peranan Juwairiah sangat besar dalam hal ini kerana atas usaha Juwairiah, maka seluruh Ahli Jawatankuasa Firma SST dan eksekutif-eksekutif tertinggi Firma SST turut mengikuti langkah Juwairiah dengan mengorbankan gaji mereka demi kepentingan Firma SST.

Jika Juwairiah dan Leonei dilihat sebagai wanita yang banyak berjasa kepada firma telekomunikasi yang disertainya, watak Erika ditampilkan sebaliknya. Erika ditampilkan sebagai seorang Pengerusi Eksekutif di Firma Hytech Communication yang gagal menjalankan tugasnya dengan baik.

“Erika terikat dalam jawatan Pengerusi Eksekutif, untuk memenuhi wasiat Dato’ Bahrin, biarpun saham milik Hadzim berlipat ganda lebih besar daripada miliknya. Akan tetapi sebenarnya, kepimpinannya tidak menentu. Ketidakhadirannya dalam mana-mana mesyuarat Lembaga firma Hytech Communication, sejak kebelakangan ini, sering menimbulkan persoalan. Biar siapa pun yang menemankannya siang dan malam maranya melingkar lebam tidak mampu lena. Jiwanya seperti kulit kehidupan waktu, terus menderita apatah lagi apabila bersendirian, dan tiada siapa mampu menolongnya.”

(*Syumul*, 1999: 288)

Watak Erika pula bergelut dengan emosi dalam dirinya kerana cintanya tidak dibalas oleh Hadzim. Cintanya yang sangat mendalam terhadap Hadzim menjadikan Erika kadang-kadang

bertindak di luar jangkaan seperti memecat atau mengenakan tindakan kepada pekerja-pekerja di Firma Hytech Communication walaupun kesilapan tersebut dapat diperbaiki.

RUMUSAN

Peranan wanita dalam novel kajian, iaitu *Menongkah Lumrah* (1996), *Singgahmata* (1997) dan *Syumul* (1999) didapati sangat penting dalam membantu pembangunan ekonomi negara. Watak-watak utama dan watak-watak penting wanita memainkan tugas masing-masing untuk menjana pendapatan daripada perniagaan yang diusahakan. Hal ini jelas terlihat dalam bidang perusahaan makanan atau restoran dalam novel *Singgahmata* (1997), perusahaan dalam teknologi maklumat atau digital dalam novel *Menongkah Lumrah* (1996), dan perusahaan dalam bidang telekomunikasi (yang juga berkait rapat dengan teknologi maklumat) dalam novel *Syumul* (1999). Wanita yang ditonjolkan menjawat jawatan penting dan tertinggi dalam perusahaan mereka, serta menjadi tulang belakang dalam memastikan perusahaan mereka berkembang maju. Malahan mereka turut diperlihatkan sebagai wanita yang gigih dan sanggup menghadapi pelbagai rintangan dalam tugas-tugas yang ditangani dalam perusahaan mereka.

Namun demikian, dari sisi yang lain juga wanita diperlihatkan sebagai seorang yang mudah dipengaruhi oleh emosi. Kelemahan wanita dari segi emosi mempengaruhi tindakan atau tugas-tugas yang dijalankan. Walau bagaimanapun, kelemahan wanita dari segi emosi sangat sedikit berbanding dengan kelebihan yang ada pada mereka dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Peranan wanita dalam bidang ekonomi diperlihatkan sangat penting dalam tiga buah novel kajian. Hal ini bertepatan dengan konsep ekonomi yang digunakan, iaitu menjelaskan bahawa ekonomi adalah kegiatan yang melibatkan kegiatan manusia dalam mencari sumber kewangan untuk memenuhi kehendak dan keperluan hidup mereka. Hasil ekonomi yang didapati dapat memberi nilai kepada kehidupan manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka.

RUJUKAN

- Abu, A. G. (2014). Ciri-Ciri Usahawan Dan Korporat Melayu Terpuji Di Dalam Rimba Harapan Dan Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 2(1), 229 - 237. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/95>
- Asmiaty Amat. (2018). *Menyingkap Gejolak Rasa dan Citra Azmah Nordin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. (1996). *Menongkah Lumrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. (1997). *Singgahmata*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azmah Nordin. (1999). *Syumul*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Abdullah Che Ya. (2018), "Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu". *Jurnal Melayu*, Bil. 17(2): 328-342.
- Hanson, J.L. (1981). *Ekonomi – Asas dan Prinsip*. Kuala Lumpur: Penerbit Longman Sdn. Bhd.
- Iqbal Hidayat Hamizul. (2021). Aura Wanita Azmah Nordin Hidup Sepanjang Zaman. Dlm. *Dewan Sastera*, Julai. Retrieved on 4 August 2021 from <https://dewansastera.jendeladb.my/2021/07/22/aura-watak-wanita-azmah-nordin-hidup-sepanjang-zaman/>.
- Mawar Safei. (1998). Azmah Meneroka Gaya Baru. Retrieved on 30 January 2019 from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=1028&pub=Utusan_Malaysia&sec=Gay a%5FHidup&pg=ls_03.htm.
- Mawar Safei. (2015). Konflik komunikasi dari "Bercak" ke *Menongkah Lumrah* karya Azmah Nordin. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 31 (2). pp. 169-182.
- Norhayati Ab. Rahman. (2006). Pemerkasaan Wanita dan Novel Malaysia dan Indonesia: Antara Tradisi dan Modeniti. Dlm. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006* di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Normaz Wana Ismail. (2009). *Pengenalan Kepada Ekonomi*. Shah Alam: Syarikat Pendidikan Sdn. Bhd.

- Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. (2018). Retrieved on 30 January 2019 from <http://www.arkib.gov.my/web/guest/perkembangan-telekomunikasi-negara>.
- Rithauddin. (2017). Potensi Perniagaan Francais, Retrieved on 28 January 2019 from <http://www.mfa.org.my/newmfa/potensi-perniagaan-francais/>.
- Tengku Mohd Ali, T. I. M. (2013). Ikon Wanita Melayu-Islam Dalam Novel *Tunggu Teduh Dulu*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 169 - 183. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/103>
- Tengku Mohd Ali, T. I. M. (2015). Kumpulan Cerpen Pascasejarah Melalui Bacaan Semiotik. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 47 - 74. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/74>

PENGHARGAAN

Makalah ini hasil penyelidikan geran penyelidikan fundamental (FRGS) yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. No geran: FRGS/1/2018/SS06/UM/02/7. Artikel ini telah diberi penambahbaikan dan penyesuaian untuk diterbitkan dalam *RUMPUN Jurnal Persuratan Melayu*.